



TEKS UCAPAN

**YANG AMAT BERTHORMAT
DATUK AMAR HAJI FADILLAH BIN HAJI YUSOF**

**TIMBALAN PERDANA MENTERI
DAN MENTERI PERALIHAN TENAGA DAN TRANSFORMASI
AIR (PETRA)**

**MAJLIS PELANCARAN MSU CENTRE FOR CLIMATE
RESILIENCE AND STRATEGY**

30 OKTOBER 2025

**DEWAN CANSELOR
MANAGEMENT AND SCIENCE UNIVERSITY
(MSU)**

Bismillahirrahmanirrahim

YBhg. Prof. Tan Sri Dato' Wira Dr. Mohd Shukri Ab. Yajid,
Presiden dan Pengasas,
Management and Science University (MSU),

YBhg. Prof. Dato' Seri Ir. Dr. Zaini Ujang,
Pro Canselor Management and Science University (MSU),

YBhg. Prof. Puan Sri Datuk Dr Junainah Abd. Hamid,
Naib Canselor MSU,

Pegawai pengurusan kanan MSU,
Pegawai Tertinggi Kementerian dan agensi Kerajaan,
Rakan-rakan Media,
Para pelajar dan kakitangan MSU,
Para tetamu jemputan serta para hadirin sekalian

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,
Salam Sejahtera dan Salam Malaysia MADANI.

MUKADIMAH

1. Terlebih dahulu, marilah kita panjatkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah S.W.T. kerana dengan izin dan limpah kurniaNya, kita dapat bersama-sama dalam majlis yang

amat bermakna ini iaitu **Majlis Pelancaran MSU Centre for Climate Resilience and Strategy (M-CREST)**.

2. Saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk merakamkan setinggi-tinggi penghargaan serta ucapan terima kasih kepada MSU di atas inisiatif terbaharu ini yang membuktikan MSU sentiasa cakna dan terkehadapan dalam mengetengahkan isu-isu kemasyarakatan dan kelestarian global.
3. Saya pasti sebelum ini telah banyak sumbangan dan usaha telah dilakukan oleh MSU berkaitan aspek kelestarian global menerusi Matlamat Pembangunan Mampan (SDG). Saya amat berbangga kerana pelbagai pengiktirafan telah diberikan kepada MSU - termasuklah yang terkini, **MSU tersenarai dalam ranking di antara 101 hingga 200 universiti terbaik dunia menerusi *Times Higher Education (THE) for Impact Rankings 2025***. Syabas dan tahniah diucapkan kepada MSU.
4. Menerusi pelbagai inisiatif yang dilaksanakan, merentasi SDG 1 sehingga SDG 17 – MSU telah membuktikan komitmennya dalam menyokong usaha kerajaan dan agenda global dalam memastikan usaha pemodenan diseimbangkan dengan kelestarian alam.

PERANAN SEBAGAI HAB STRATEGIK

Hadirin Yang Di Hormati Sekalian,

5. Penubuhan MSU *Centre for Climate Resilience and Strategy* ini bertepatan dengan masanya, sebagai inisiatif penting untuk memperkukuh kerjasama antara pelbagai pihak dalam mendepani isu serta cabaran perubahan iklim dunia yang semakin meruncing sejak akhir-akhir ini.
6. Saya difahamkan, pusat ini bakal berperanan sebagai hab utama dalam menerajui pelbagai usaha dan strategi berkaitan perubahan iklim, selari dengan agenda global seperti **SDG** dan hasrat ***Conference of the Parties (COP)*** khususnya ***United Nations Framework Convention on Climate Change (UNFCCC)***.
7. Terdapat beberapa kluster khusus diwujudkan di bawah hab strategik ini, masing-masing dengan peranan tersendiri iaitu: -
 - i) ***Green and Biodiversity Cluster***
 - ii) ***Water and Ocean Cluster***
 - iii) ***Energy and Low Carbon Cluster***
 - iv) ***Waste and Circular Economy Cluster***
 - v) ***Health, Climate and Community Resilience Cluster***
 - vi) ***Research***
8. Menerusi hab ini juga, pelbagai strategi yang telah dirancang, diselaras dan dilaksanakan oleh MSU merangkumi aspek penyelidikan dan inovasi, pendidikan dan pembangunan modal

insan, kempen kesedaran dan advokasi, kerjasama strategik di peringkat serantau dan global, serta program-program jalinan komuniti yang inklusif dan berimpak tinggi.

9. Saya yakin dan percaya, hasil sokongan berterusan dan kerjasama strategik melibatkan pelbagai pihak termasuk dengan pihak Kementerian dan agensi kerajaan yang berkaitan, rakan-rakan industri, institusi pendidikan, badan bukan kerajaan (NGO) dan masyarakat, hab ini nanti mampu menjadi pemacu kepada penyelesaian inovatif dan praktikal dalam meningkatkan daya tahan negara terhadap impak perubahan iklim.

KONSEP KETAHANAN IKLIM

Hadirin Yang Dihormati Sekalian,

10. Hab ini juga memfokuskan tentang **ketahanan iklim (*climate resilience*)** yang berkait rapat dengan keupayaan kita untuk membuat jangkaan, melakukan persediaan, dan bertindak balas terhadap kesan perubahan iklim demi memastikan komuniti, ekosistem, dan sektor ekonomi kita terus berkembang maju.
11. Ketahanan iklim melibatkan **dua strategi utama iaitu mitigasi dan adaptasi**. Mitigasi adalah usaha untuk memperlahankan kadar pemanasan global dengan mengurangkan punca yang

mengakibatkan perubahan iklim seperti pelepasan gas rumah kaca. Manakala adaptasi pula adalah usaha untuk mengurangkan risiko bencana iklim dengan menyesuaikan diri dengan kejadian cuaca ekstrem seperti perubahan corak hujan dan suhu serta kenaikan paras laut agar kita lebih berdaya tahan dan berdaya saing di dalam persekitaran iklim yang berubah ini.

12. Penting untuk difahami bahawa perubahan iklim bukan lagi ancaman masa depan. Fenomena ini sedang berlaku secara meluas di seluruh dunia dan memberikan kesan besar terhadap corak kehidupan dan keperluan persekitaran kita. Membina ketahanan iklim adalah tentang melindungi kesejahteraan masa depan kita, memelihara sumber semula jadi, dan memastikan hak dan akses sama rata untuk semua hidupan di dunia ini.

KOMITMEN MALAYSIA DALAM AGENDA GLOBAL

Hadirin Sekalian,

13. Selaras dengan **aspirasi Malaysia MADANI** yang berteraskan kelestarian, keterangkuman dan kesejahteraan bersama, Malaysia kekal komited dalam agenda perubahan iklim global. Menerusi pelbagai inisiatif baharu yang diperkenalkan, ia berhasrat untuk memastikan mutu persekitaran dan sumber asli negara tetap terpelihara.

14. Inisiatif tersebut membuktikan bahawa Malaysia sentiasa bergerak seiring dengan negara-negara lain dalam usaha pemuliharaan alam sekitar, terutamanya berkaitan isu perubahan iklim. Malah usaha-usaha itu juga menunjukkan komitmen Malaysia dalam melaksanakan amanah menjaga dan memakmurkan khazanah alam ini.
15. Salah satu inisiatif yang sedang diusahakan Kerajaan ialah menerusi **Rang Undang-undang Perubahan Iklim Negara (RUUPIN)** yang sedang digubal bertujuan untuk mengarusperdanakan agenda perubahan iklim seperti tindakan mitigasi, adaptasi, memperkukuh usaha-usaha kelestarian alam sekitar dan menyokong matlamat Malaysia mencapai ***Nationally Determined Contribution (NDC)*** negara dan **sasaran pelepasan gas rumah kaca (GHG) sifar bersih pada tahun 2050.**
16. YAB Perdana Menteri telah mengumumkan **pengenalan cukai karbon semasa ucapan Belanjawan 2026 pada 10 Oktober 2025.** Cukai karbon akan dikenakan terhadap sektor besi, keluli dan tenaga selaras dengan **penggubalan Rang Undang-undang Perubahan Iklim (RUUPIN).** Antara tumpuan utama RUUPIN ialah peralihan kepada ekonomi rendah karbon, memperkukuh daya tahan negara terhadap perubahan iklim, menubuhkan satu entiti kawal selia bebas untuk mengendalikan operasi selaras dengan matlamat perubahan iklim negara, memperkukuh tadbir urus perubahan iklim negara terutama

berkaitan data, pelaporan, pembiayaan dan penguatkuasaan serta memperkenalkan mekanisme pematuhan dan mekanisme pengurangan pelepasan karbon. RUUPIN juga menyokong mekanisme Pemantauan, Pelaporan dan Verifikasi (MRV) bagi pelaksanaan cukai karbon tersebut. Pelaksanaan RUUPIN ini kelak akan dikawal selia oleh sebuah agensi khusus untuk memastikan RUUPIN dapat menyokong kesiapsiagaan negara dalam memenuhi hasrat dan inisiatif perdagangan karbon di peringkat domestik dan antarabangsa.

17. Di dalam usaha kerajaan menangani perubahan iklim serta memelihara aset alam semulajadi strategik negara, kerajaan telah dan sedang membangunkan dua instrumen kewangan inovatif, iaitu ***Forest Conservation Certificate (FCC)*** yang telah dioperasikan oleh Malaysia Forest Fund (MFF) dan instrumen ***Forest Carbon Offset (FCO)*** yang berada di fasa akhir pembangunan dan dijadual untuk dioperasikan pada suku pertama tahun 2026.
18. *Forest Conservation Certificate* atau FCC merupakan instrumen pembiayaan hijau bukan pasaran, yang akan diperluaskan untuk menggalakkan penyertaan serta sumbangan sektor swasta bagi membiayai keperluan kewangan untuk pelaksanaan aktiviti pemeliharaan dan perlindungan hutan dan biodiversiti. *Forest Carbon Offset* atau FCO yang direka mengikut keperluan dan spesifikasi tempatan dihasratkan untuk menjadi instrumen perkreditan karbon negara serta pemacu

pembangunan projek karbon, selaras dengan pelaksanaan **Dasar Pasaran Karbon Kebangsaan** yang akan dilancarkan; selain pelengkap kepada inisiatif **Cukai Karbon** kelak.

19. Selain itu, kerajaan juga sedang membangunkan **Pelan Adaptasi Kebangsaan (MyNAP)** yang akan memberi fokus kepada lima sektor utama iaitu jaminan air dan sumber pesisir; pertanian dan jaminan makanan; infrastruktur dan bandar; perhutanan dan biodiversiti; dan kesihatan awam. MyNAP akan menjadi pelan induk negara yang komprehensif untuk menyelaraskan semua usaha adaptasi iklim di Malaysia.
20. Bagi menyokong usaha ini, peranan universiti dan institusi penyelidikan juga perlu diperkasakan dalam memperluaskan idea inovasi dan kajian saintifik yang lebih mendalam berhubung impak perubahan iklim ke atas sektor-sektor utama di Malaysia termasuk kesan rentas terhadap aspek sosial dan ekonomi. Hasil dapatan penyelidikan ini amat penting untuk menyokong dasar dan tindakan adaptasi yang berasaskan bukti serta memastikan pendekatan yang diambil adalah inklusif dan mampan.

PERANAN UNIVERSITI DAN KERJASAMA NASIONAL

21. Peranan institusi pengajian tinggi seperti MSU adalah amat penting, bukan sahaja sebagai pusat percambahan ilmu dan pemeraksanaan modal insan, malah sebagai hab utama bagi

memupuk minda lestari, merintis teknologi hijau, dan mendidik masyarakat tentang pentingnya pemuliharaan alam sekitar dan tanggungjawab kita sebagai khalifah di muka bumi ini.

22. MSU Centre for Climate Resilience and Strategy dialu-alukan untuk mengadakan kolaborasi dengan agensi-agensi di bawah Kerajaan bagi memastikan Malaysia dapat mengurangkan risiko berkaitan perubahan iklim.
23. MSU Centre juga boleh **bekerjasama dengan Kementerian Peralihan Tenaga dan Transformasi Air (PETRA)** melalui agensi di bawahnya - Institut Penyelidikan Air Kebangsaan Malaysia (NAHRIM) dan Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN). Ini termasuk untuk menjalankan kajian mengenai mitigasi banjir **menggunakan metodologi terkini seperti Artificial Intelligence (AI) dan teknologi satelit.**
24. Penting untuk kita semua memahami bahawa usaha pemodenan memang amat penting, namun sekiranya dilakukan tanpa perancangan rapi sehingga menjejaskan kelestarian alam sekitar - hanya akan mencacatkan ekosistem dunia secara fitrah, seterusnya mengakibatkan kerosakan demi kerosakan dan bencana alam yang akhirnya menjadikan manusia dan hidupan lain sebagai mangsanya.

PENUTUP

25. Akhir kata, saya berharap agar pelancaran hab strategik di MSU ini bukan sekadar satu simbolik, tetapi menjadi satu titik permulaan kepada **permuafakatan nasional** serta usaha bersama yang lebih menyeluruh dan berterusan dalam memperkukuh ketahanan iklim di Malaysia dan juga di rantau ini.
26. Sekali lagi, setinggi-tinggi ucapan tahniah dan syabas kepada MSU atas pelaksanaan inisiatif yang amat membanggakan ini. Harapan saya, semoga MSU *Centre for Climate Resilience and Strategy* ini akan terus berkembang pesat menjadi rujukan utama dan penanda aras dalam usaha bersama dalam menangani isu berkaitan perubahan iklim seterusnya memperkasa jalan penyelesaian yang berimpak tinggi dan lebih lestari.
27. Dengan lafaz Bismillahirrahmanirrahim, saya dengan ini merasmikan MSU *Centre for Climate Resilience and Strategy*.

Sekian, Wabillahi taufiq wal hidayah. Wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Terima kasih.